

## PERANAN PROGRAM ADUN BELIA TERENGGANU DALAM MEMPROMOSIKAN KEPIMPINAN DAKWAH KEPADA MASYARAKAT

### *The Role of the Terengganu Youth Assemblyman Program in Promoting Dakwah Leadership to the Community*

Mohd Nor Hamzah<sup>a</sup>, Halim Mokhtar<sup>a</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>a\*</sup>,  
Md Noor Hussin<sup>a</sup>, Abdul Haiy Mahmod<sup>a</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Selangor

\*(Corresponding email) [yusufmarlon@uis.edu.my](mailto:yusufmarlon@uis.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol33no1.731>

Submission date: 14/03/2026

Accepted date: 5/05/2026

Published date: 25/05/2026

#### Abstrak

Kerajaan Negeri Terengganu telah melaksanakan pelbagai program pembangunan kepimpinan bagi memperkasakan golongan belia sebagai aset strategik pembangunan negeri. Antara inisiatif utama ialah Program ADUN Belia Terengganu yang diperkenalkan pada tahun 2019 bagi memberi ruang kepada belia terlibat secara aktif dalam kepimpinan dan proses penggubalan dasar negeri. Walau bagaimanapun, masih terdapat kekurangan kajian akademik yang meneliti keberkesanan program ini khususnya dalam konteks kepimpinan dakwah dan pembangunan nilai Islam dalam kalangan belia. Kajian ini bertujuan menganalisis peranan Program ADUN Belia Terengganu dalam mempromosikan kepimpinan dakwah dalam kalangan peserta. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Seramai sepuluh orang informan dipilih secara bertujuan yang terdiri daripada ADUN Belia, wakil agensi kerajaan dan pemimpin belia tempatan bagi mendapatkan pandangan secara langsung berkaitan pelaksanaan program. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Program ADUN Belia Terengganu memainkan peranan penting dalam membentuk kepimpinan dakwah melalui tiga tema utama. Pertama, peserta berperanan sebagai pemimpin dakwah dan qudwah hasanah kepada masyarakat. Kedua, pendekatan dakwah dilaksanakan melalui komunikasi mesra belia dan penggunaan media sosial sebagai medium penyampaian mesej Islam. Ketiga, program ini turut memperkukuh kolaborasi strategik antara belia, NGO dan agensi kerajaan melalui sesi libat urus dan jaringan sosial. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa Program ADUN Belia Terengganu berfungsi sebagai platform pembangunan kepimpinan dakwah yang efektif berasaskan nilai akhlak, komunikasi strategik dan penglibatan sosial belia secara inklusif.

**Kata kunci:** program ADUN Belia Terengganu, kepimpinan dakwah, pendekatan mesra belia, kolaborasi strategik, literasi kepimpinan Islam

#### Abstract

The Terengganu State Government has implemented various leadership development initiatives aimed at empowering youth as strategic assets in the state's development agenda. One of the key initiatives is

the Terengganu Youth State Assembly (ADUN Belia Terengganu) Programme, which was introduced in 2019 to provide young people with opportunities to actively participate in leadership and state policy-making processes. Nevertheless, there remains a significant lack of academic research examining the effectiveness of this programme, particularly in the context of da'wah leadership and the development of Islamic values among youth. This study aims to analyse the role of the Terengganu Youth State Assembly Programme in promoting da'wah-oriented leadership among its participants. A qualitative research approach was employed through semi-structured interviews and document analysis. Ten purposively selected informants participated in the study, consisting of Youth Assembly representatives, government agency officials, and local youth leaders, in order to obtain direct insights into the implementation and impact of the programme. The findings reveal that the Terengganu Youth State Assembly Programme plays a significant role in fostering da'wah leadership through three major themes. First, participants function as da'wah leaders and *qudwah hasanah* (exemplary role models) within their communities. Second, da'wah approaches are implemented through youth-friendly communication methods and the utilisation of social media as a medium for disseminating Islamic messages. Third, the programme strengthens strategic collaboration among youth, non-governmental organisations (NGOs), and government agencies through engagement sessions and social networking initiatives. Overall, this study demonstrates that the Terengganu Youth State Assembly Programme serves as an effective platform for the development of da'wah leadership grounded in moral values, strategic communication, and inclusive youth social engagement.

**Keywords:** Terengganu youth assemblyman program, da'wah leadership, youth-friendly approach, strategic collaboration, Islamic leadership literacy.

## **PENGENALAN**

Populasi belia merupakan aset strategik dalam pembangunan negeri Terengganu dengan jumlah penduduk sekitar 1,209,400 orang, di mana 323,788 daripadanya ialah belia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Menyedari potensi ini, Kerajaan Negeri Terengganu melalui Urusetia Belia, Sukan dan NGO telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan kepimpinan termasuk Program ADUN Belia Terengganu yang dirancang pada tahun 2019 dan dilaksanakan secara rasmi pada tahun 2021. Program ini berfungsi sebagai platform penglibatan belia dalam proses penggubalan dasar negeri di samping membentuk kemahiran kepimpinan, komunikasi, kesedaran politik serta penerapan nilai Islam dan pendekatan dakwah dalam pembangunan sahsiah belia.

Walaupun pelbagai kajian berkaitan pembangunan belia telah dijalankan, masih terdapat kekurangan kajian empirikal yang menilai secara khusus keberkesanan Program ADUN Belia Terengganu dalam konteks kepimpinan dakwah. Kajian terdahulu lebih tertumpu kepada kepimpinan politik dan pembangunan belia secara umum tanpa memberi penekanan kepada integrasi nilai Islam seperti amanah, syura, hikmah dan akhlak dalam latihan kepimpinan (Hassan, 2019). Selain itu, Ahmad dan Roslan (2020) mendapati pendekatan dakwah dalam program belia masih kurang disesuaikan dengan keperluan generasi muda masa kini.

Di samping itu, penilaian program pembangunan belia juga lebih berfokus kepada pelaksanaan aktiviti dan penyertaan, tanpa menilai secara menyeluruh impak terhadap sahsiah, kemahiran kepimpinan, kesedaran dasar dan penglibatan sosial peserta. Rosli dan Hassan (2022) menegaskan bahawa masih wujud kekurangan mekanisme penilaian yang komprehensif, manakala Khalid dan Ibrahim (2021) pula menyorot cabaran seperti kekangan sumber, kelemahan modul latihan, serta penglibatan belia luar bandar yang terhad.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis peranan Program ADUN Belia Terengganu dalam mempromosikan kepimpinan dakwah, termasuk sumbangan, penglibatan dan cabaran belia. Kajian ini juga mengisi jurang literatur dengan menggabungkan perspektif kepimpinan Islam, transformasi dan partisipasi belia dalam pembangunan dasar. Hasil kajian diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak berkepentingan dalam memperkukuh program pembangunan belia yang lebih

holistik, inklusif dan relevan, serta menjawab persoalan bagaimana belia dapat memainkan peranan lebih efektif dalam kepimpinan dakwah.

## METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi penyelidikan bagi kajian ini menggunakan kajian kualitatif dengan kaedah temu bual secara berstruktur. Ia merupakan satu proses untuk mendapatkan data dengan berjumpa atau menemui seorang individu atau sekumpulan kecil secara bersemuka serta melakukan soal jawab atau berkomunikasi dua hala yang bertujuan untuk meminta pandangan, pendapat, persepsi dan sebagainya daripada seseorang berdasarkan tema-tema dalam konteks objektif yang ditentukan. Menurut Kahn et. al (1957) menyatakan bahawa temu bual sebagai perbualan yang mempunyai tujuan tertentu. Zelditch (1962) mengatakan temu bual merupakan satu cara pengumpulan data yang amat efisien dan melibatkan interaksi sosial untuk mendapatkan data yang mencukupi daripada informan.

Metode temu bual berstruktur digunakan untuk mendapatkan data secara langsung daripada peserta yang terlibat dalam Program ADUN Belia Terengganu. Informan kajian adalah terdiri daripada peserta program (belia), fasilitator dan pihak berkepentingan seperti pemimpin ADUN yang terlibat. Soalan dirangka untuk memahami pengalaman, persepsi serta respon yang dihadapi oleh belia dalam melaksanakan program ini. Temu bual dijalankan secara individu atau *focus group* dalam sesi yang direkodkan dan dianalisis secara tematik. Instrumen kajian terdiri daripada soalan berstruktur yang dirangka untuk mendapatkan maklumat spesifik tentang sumbangan dan penglibatan belia dalam Program ADUN Belia Terengganu dalam konteks kepimpinan dakwah.

Berdasarkan Jadual 1, seramai sepuluh (10) orang informan telah dipilih dalam kajian ini yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kepimpinan belia. Informan tersebut dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Belia Terengganu, wakil agensi kerajaan dan pemimpin belia tempatan. Seramai lima orang informan mewakili kategori ADUN Belia. Mereka terdiri daripada individu yang aktif dalam pelbagai bidang kepimpinan belia seperti NGO, motivasi, media sosial dakwah, keusahawanan sosial, dan fasilitator program remaja. Dari sudut pendidikan, majoriti mereka memiliki Ijazah Sarjana Muda (dalam bidang Pengajian Islam, Sains Sosial, dan Pengurusan), manakala dua orang informan mempunyai kelayakan Diploma dalam bidang Komunikasi dan Pendidikan Islam. Kumpulan ini menggambarkan keupayaan ADUN Belia dalam mengetengahkan suara anak muda melalui kepelbagaian pengalaman serta kemahiran kepimpinan. Seterusnya, dua orang informan terlibat daripada agensi kerajaan iaitu Pegawai Pembangunan Belia Negeri dengan latar belakang pendidikan dalam bidang Pentadbiran Awam, manakala seorang lagi ialah Pegawai Hal Ehwal Islam berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah. Kehadiran wakil kerajaan dalam senarai informan memberi gambaran tentang sokongan institusi rasmi dalam membangunkan dasar dan program belia, khususnya yang berkaitan dengan kepimpinan dan dakwah. Baki lagi iaitu seramai tiga orang informan lain mewakili pemimpin belia di peringkat akar umbi iaitu Ketua Kelab Belia Kampung dengan latar pendidikan STPM dan seorang Pengerusi Persatuan Belia Daerah berkelulusan Diploma Pengurusan. Seterusnya, seorang Koordinator Program Dakwah Belia dengan kelayakan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin. Kehadiran mereka melengkapkan perspektif kajian dengan pengalaman sebenar di lapangan, khususnya dalam mengurus belia di peringkat komuniti dan daerah. Senarai informan dijelaskan dalam jadual 1 di bawah.

**Jadual 1: Senarai Informan Program ADUN Belia Terengganu**

Bil.	Nama Samaran	Kategori Informan	Latar Belakang / Jawatan	Tahap Pendidikan
1	ABT01	ADUN Belia	Ahli Sidang ADUN Belia Terengganu, aktif dalam NGO belia	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam
2	ABT02	ADUN Belia	Pemimpin belia daerah, penceramah motivasi	Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial
3	ABT03	ADUN Belia	Wakil belia kampus, penggiat media sosial dakwah	Diploma Komunikasi
4	ABT04	ADUN Belia	Usahawan sosial, penggerak program komuniti	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan
5	ABT05	ADUN Belia	Aktivis dakwah belia, fasilitator program remaja	Diploma Pendidikan Islam
6	ABT06	Wakil Agensi Kerajaan	Pegawai Pembangunan Belia Negeri	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam
7	ABT07	Wakil Agensi Kerajaan	Pegawai Hal Ehwal Islam	Ijazah Sarjana Muda Syariah
8	ABT08	Pemimpin Belia Tempatan	Ketua Kelab Belia Kampung	STPM
9	ABT09	Pemimpin Belia Tempatan	Pengerusi Persatuan Belia Daerah	Diploma Pengurusan
10	ABT10	Pemimpin Belia Tempatan	Koordinator Program Dakwah Belia	Ijazah Sarjana Muda Usuluddin

Seterusnya adalah tempoh Penglibatan Informan dalam Program ADUN Belia Terengganu seperti dalam Jadual 2 seperti berikut:

**Jadual 2: Tempoh Penglibatan Informan dalam Program ADUN Belia Terengganu**

Nama Samaran	Tempoh Penglibatan
ABT01	2 tahun
ABT02	1 tahun 6 bulan
ABT03	1 tahun
ABT04	3 tahun
ABT05	2 tahun 6 bulan
ABT06	4 tahun
ABT07	3 tahun
ABT08	2 tahun
ABT09	1 tahun 3 bulan
ABT10	2 tahun

Berdasarkan Jadual 1, informan kajian terdiri daripada tiga kategori utama iaitu ADUN Belia Terengganu, wakil agensi kerajaan, dan pemimpin belia tempatan. Pemilihan informan dibuat menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (purposive sampling), bagi memastikan setiap responden mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang relevan dengan objektif kajian. Latar belakang mereka merangkumi pelbagai bidang seperti pengurusan, pendidikan, dakwah, komunikasi, dan pentadbiran

awam. Kepelebagaan latar pendidikan dan kerjaya ini membolehkan data kajian diperoleh daripada pelbagai perspektif, sekali gus memperkaya dapatan yang dihasilkan.

Seterusnya Jadual 2 pula menunjukkan tempoh penglibatan informan dalam Program ADUN Belia Terengganu. Tempoh penglibatan ini berbeza-beza antara satu hingga empat tahun. Perbezaan tempoh ini memberi variasi kepada pengalaman yang dikongsikan di mana informan yang telah lama terlibat dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang perkembangan program, manakala informan baharu pula memberikan pandangan segar tentang keberkesanan dan cabaran awal penyertaan. Gabungan kedua-dua kumpulan ini membantu menghasilkan analisis yang lebih seimbang dan komprehensif.

Secara keseluruhan, pemilihan informan ini adalah signifikan dalam konteks kajian kerana mereka bukan sahaja terlibat secara langsung dalam pelaksanaan dan perancangan program, malah turut berperanan sebagai penggerak aktiviti, pembuat keputusan, dan penyampai suara belia kepada pihak berautoriti. Justeru, data yang dikumpulkan daripada mereka dapat menjawab ketiga-tiga objektif kajian dengan lebih mendalam dan bersifat menyeluruh.

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian kualitatif ini diperoleh melalui kaedah temu bual mendalam bersama informan yang berkaitan, termasuk ADUN Belia Terengganu, wakil agensi kerajaan, dan pemimpin belia tempatan. Data temu bual yang dikumpul telah ditranskrip, dianalisis secara tematik, dan dilaporkan secara deskriptif mengikut objektif kajian. Jadual 3 berikut memaparkan rumusan output kajian yang dirumuskan daripada analisis data kualitatif tersebut.

**Jadual 3: Rumusan tema dan subtema dapatan kajian**

Kategori	Tema	Subtema
Peranan Program ADUN Belia Terengganu dalam mempromosikan kepemimpinan dakwah dalam kalangan peserta.	Peranan sebagai Pemimpin Dakwah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadi Qudwah Hasanah dan teladan</li> <li>Menyampaikan suara belia dalam platform rasmi</li> </ul>
	Pendekatan Dakwah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pendekatan mesra belia</li> <li>Penggunaan medium digital</li> </ul>
	Kolaborasi dan Jaringan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerjasama strategik dengan NGO dan agensi</li> <li>Sesi libat urus dan sidang meja bulat</li> </ul>

### a. Peranan Sebagai Pemimpin Dakwah

Hasil temu bual menunjukkan bahawa peserta program ADUN Belia Terengganu berperanan sebagai agen utama dalam mempromosikan nilai-nilai kepemimpinan dakwah di komuniti masing-masing. Mereka bukan sahaja menjadi penyampai mesej dakwah, tetapi turut bertindak sebagai qudwah hasanah yang menunjukkan teladan melalui akhlak, gaya komunikasi, dan penglibatan aktif dalam isu belia. Peranan ini dilaksanakan melalui pembentangan usul di persidangan ADUN Belia, penglibatan dalam jawatankuasa berkaitan dasar, serta menjadi penghubung antara belia dan pihak kerajaan negeri. Sebagaimana dinyatakan oleh salah seorang peserta:

“Kami berperanan untuk mendekatkan belia dengan pemimpin, menjadi penggerak dan pemikir, serta memastikan ADUN belia menunjukkan qudwah hasanah untuk belia umum Terengganu.”

(Informan 1)

Kajian-kajian lepas menekankan kepentingan kepimpinan dan pembangunan belia dalam pelbagai konteks. ABIM, sebuah gerakan Islam di Malaysia, memberi penekanan kepada strategi komunikasi kepimpinan yang berkesan dalam menyebarkan mesej mereka kepada masyarakat Melayu (Siti Ruzana et al., 2020). Di Felda Jerangau, Terengganu, penyertaan belia dalam program pembangunan komuniti berdepan cabaran disebabkan oleh konflik politik dan isu sosial (Mohd Razali, 2010). Yayasan Perguruan Bela Diri Muda Berakhlak di Lebong memberi tumpuan kepada pembangunan kader belia dengan menerapkan nilai-nilai Islam serta memupuk disiplin, kejujuran dan kerajinan (Andiansyah, 2018). Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) di Felda Jerangau memainkan peranan penting dalam pembangunan belia namun berdepan halangan seperti kekangan kewangan dan tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan ahli jawatankuasa, yang menjejaskan keberkesanannya dalam menangani isu sosioekonomi yang dihadapi oleh golongan belia (Mohd Razali Harun, 2005).

#### 1. Menjadi Qudwah Hasanah dan Teladan

Informan menegaskan bahawa kepimpinan dakwah perlu bermula dengan memberi contoh yang baik kepada masyarakat belia. Nilai seperti amanah, berakhlak mulia, dan berfikiran matang menjadi asas kepada usaha dakwah mereka.

“Memastikan ADUN belia menunjukkan qudwah hasanah untuk belia umum Terengganu.”

(Informan 2)

Kepimpinan dalam penyebaran dakwah Islamiah menekankan teladan yang baik serta nilai moral yang tinggi. Seorang pemimpin perlu memiliki akhlak mulia, rasa tanggungjawab kepada Allah, dan mengutamakan kepentingan masyarakat (S. Azizah & Wirasusanto, 2024). Kepimpinan dakwah yang berkesan memerlukan penguasaan mendalam terhadap ilmu agama dan kecekapan dalam urusan dunia, di samping memelihara ketakwaan kepada Allah (Elma & Ab. Ghafar, 2024). Nilai utama dalam dakwah merangkumi disiplin, kejujuran, kerajinan, kebersihan, solidariti, kesabaran, keikhlasan, dan keteguhan pendirian (Samira & Ab Ghafar, 2017). Pemberdayaan belia melalui aktiviti masjid amat penting dalam melahirkan generasi muda yang soleh, berilmu dan berkemahiran (Ibrahim, 2020). Latihan dalam pengurusan dakwah, organisasi, dan kepimpinan dapat membekalkan belia dengan kemahiran untuk menangani isu-isu masyarakat (Susanto, 2013). Nabi Muhammad SAW menjadi contoh utama seorang pemimpin yang menegakkan keadilan, menyebarkan kebaikan, dan memberi motivasi kepada masyarakat (S. Azizah & Wirasusanto, 2024). Prinsip-prinsip ini menjadi asas kepada usaha dakwah yang berkesan dalam kalangan belia.

#### 2. Menyampaikan Suara Belia dalam Platform Rasmi

Selain menjadi teladan, ADUN Belia juga bertindak sebagai penyampai suara belia kepada pembuat dasar negeri. Mereka menggunakan platform seperti sidang ADUN Belia untuk mengangkat isu dan cadangan daripada komuniti masing-masing.

“Kami membawa suara belia ke peringkat lebih tinggi supaya kehendak dan keinginan belia dapat dikenalpasti.”

(Responden 9)

Kajian menunjukkan bahawa belia Malaysia memainkan peranan penting dalam membentuk landskap politik negara dan keputusan dasar. Parlimen Belia Malaysia (PBM) menyediakan platform kepada golongan muda untuk menyuarakan pendapat dan terlibat dalam proses membuat keputusan (Mohd Uzaini Mohamad Sani & Suhana Saad, 2018). Belia bersikap kritikal terhadap dasar kerajaan dan peka terhadap perubahan persekitaran, dan ketidakpuasan hati mereka sering diterjemahkan dalam keputusan pengundian (Ramli Dollah et al., 2018). Mereka mempunyai akses kepada pelbagai sumber maklumat, termasuk media alternatif, yang mempengaruhi persepsi politik mereka (Junaidi Awang Besar, 2012). Kerajaan mengiktiraf belia sebagai aset bernilai dan berhasrat memupuk mereka melalui inisiatif seperti Dasar Pembangunan Belia Negara (A. Yahaya et al., 2006). Namun, cabaran masih wujud, antaranya perwakilan belia yang terhad dalam institusi politik dan keperluan untuk

mempertingkatkan promosi platform penglibatan belia (Mohd Uzaini Mohamad Sani & Suhana Saad, 2018).

### **b. Pendekatan Dakwah**

Dari aspek pendekatan, peserta mengamalkan strategi peer-to-peer sharing, iaitu penyampaian mesej dakwah secara santai dari belia kepada belia. Antara bentuk pendekatan yang digunakan termasuklah program santai seperti LEGASI (lepak, cergas, santai), street dakwah, usrah belia, forum, dan debat. Mereka juga menekankan pendekatan dakwah yang mesra remaja dengan menggunakan bahasa dan medium yang dekat dengan golongan muda, termasuk media sosial dan kandungan kreatif. Informan 8 menyatakan:

“Kami cuba berdakwah dengan cara belia, sesuai dengan peredaran zaman sekarang. Belia mempunyai cara untuk didekati, jadi dari belia untuk belia.” (Informan 8)

Kajian terkini menonjolkan landskap yang semakin berkembang bagi strategi dakwah Islam khususnya kepada golongan belia dan milenial dalam era digital. Platform media sosial seperti Instagram, TikTok, dan YouTube telah menjadi saluran utama dalam penyampaian kandungan keagamaan secara visual yang menarik dan mudah difahami (Nor Diyanah Zafri et al., 2023; Faris Najmi Samsukamal et al., 2023). Pendekatan berkesan merangkumi perkongsian rakan sebaya, perbincangan interaktif, serta penggunaan elemen budaya popular seperti video pendek, lagu Islam moden, dan animasi pendidikan (Faris Najmi Samsukamal et al., 2023). Pandemik COVID-19 turut mempercepatkan penerimaan strategi dakwah digital dengan memberi penekanan kepada interaksi bersemuka berskala kecil dan penggunaan media sosial secara meluas (Ach. Baidowi & Mohammad Salehudin, 2021). Program dakwah yang berjaya untuk golongan milenial menggabungkan kandungan relevan yang membincangkan isu semasa, elemen interaktif, dan pendekatan berunsur muzik seperti hadroh, di samping memanfaatkan platform digital untuk mencapai audiens yang lebih luas (Ahmad Atho'ul Karim & Fauzia Nuraziza, 2024).

#### **1. Pendekatan Mesra Belia**

Informan menyatakan memilih untuk berdakwah dengan gaya bahasa dan aktiviti yang sesuai dengan citarasa golongan muda seperti program LEGASI (lepak, cergas, santai), usrah santai, dan perbincangan interaktif.

“Berdakwah secara belia, sesuai dengan peredaran zaman sekarang... dari belia untuk belia.” (Responden 3)

Kajian terkini menyorot pendekatan inovatif dalam penyebaran dakwah Islam yang bertujuan untuk menarik minat generasi muda. Para penyelidik menekankan kepentingan menyesuaikan gaya penyampaian dakwah agar selari dengan kecenderungan belia, termasuk pemakaian santai, sikap yang mesra, dan perbincangan interaktif (Fatoni & Rais, 2018). Penggunaan platform media sosial dan kandungan visual yang menarik terbukti berkesan dalam mendekati golongan milenial dan Generasi Z (Hardyanti et al., 2023; Puspito & Azhima, 2024). Latihan kemahiran berpidato kepada pendakwah muda didapati dapat meningkatkan keyakinan diri serta memperbaiki prestasi dakwah (Hardyanti et al., 2023). Selain itu, penerapan teknologi digital seperti video animasi, infografik, dan penstriman langsung membantu menjadikan konsep keagamaan lebih mudah diakses dan menarik bagi audiens muda yang celik teknologi (Royani et al., 2024). Pendekatan dakwah moden ini menunjukkan kepentingan penyesuaian terhadap kemajuan teknologi dan evolusi gaya komunikasi bagi menyampaikan mesej agama secara berkesan kepada generasi muda dalam era digital.

#### **2. Penggunaan Media Digital**

Media sosial digunakan untuk menyampaikan mesej dakwah secara lebih meluas, kreatif, dan cepat. Pendekatan ini juga memudahkan interaksi dua hala dengan belia seperti mana informan menyatakan:

“Memperkasakan media sosial sebagai simbol utama dakwah Islamiah kepada masyarakat.” (Responden 10)

Media sosial telah mengubah landskap penyampaian dakwah di era digital dengan membolehkan capaian audiens yang lebih luas, khususnya dalam kalangan belia (Mukhlissal Hasbi et al., 2024; Nor Diyanah Zafri et al., 2023). Platform seperti YouTube, Instagram, dan TikTok memudahkan penyampaian mesej dakwah secara kreatif dan interaktif melalui pelbagai format (Mukhlissal Hasbi et al., 2024). Pendekatan ini membolehkan interaksi secara langsung antara pendakwah dan audiens, sekali gus memperkukuh penyebaran nilai-nilai Islam secara lebih berkesan (Mukhlissal Hasbi et al., 2024; B. Gunawan et al., 2024). Walaupun berdepan cabaran seperti penyebaran maklumat salah dan unsur komersialisasi, media sosial tetap menawarkan potensi besar dalam meningkatkan kualiti dan jangkauan dakwah (Mukhlissal Hasbi et al., 2024; B. Gunawan et al., 2024). Sepanjang pandemik COVID-19, media sosial menjadi medium penting untuk menyampaikan mesej dakwah tanpa kekangan fizikal (Asriyanti Rosmalina & Tia Khaerunnisa, 2021). Penggunaan media sosial secara bijak dalam dakwah berpotensi meningkatkan keimanan serta menyokong penyebaran nilai-nilai Islam di peringkat global (B. Gunawan et al., 2024).

### **c. Kolaborasi dan Jaringan**

Belia turut memainkan peranan dalam memperkukuh jaringan dengan pelbagai pihak seperti NGO, agensi kerajaan, dan institusi agama. Kolaborasi ini membolehkan pelaksanaan program berimpak seperti Hijab Day, program al-Fateh, LEGASI, dan sidang meja bulat bersama pemimpin komuniti. Hubungan ini juga memastikan aspirasi belia diambil kira dalam perancangan dasar negeri. Sebagaimana dinyatakan oleh seorang informan:

“Kami bekerjasama dengan NGO, agensi kerajaan, dan pihak berkepentingan untuk melaksanakan program dakwah dan mendapatkan input belia melalui sesi libat urus.” (Responden 4)

Kajian menunjukkan bahawa belia Malaysia memainkan peranan penting dalam politik dan pembangunan negara. Mereka bersikap kritikal terhadap dasar kerajaan dan peka terhadap perubahan persekitaran (Ramli Dollah et al., 2018). Aspirasi belia memberi pengaruh besar terhadap penglibatan politik mereka, dan kegagalan memenuhi aspirasi tersebut boleh membawa kepada penolakan (Azrie Azeh et al., 2023). Pelaksanaan Dasar Belia Malaysia (DBM) pada tahun 2015 bertujuan memperkukuh ekosistem pembangunan belia (Ahmad Huzairi Rawee, 2016). Belia mempunyai akses yang luas kepada maklumat melalui pelbagai media, khususnya internet, yang telah menjadi medium baharu bagi penglibatan politik (Junaidi Awang Besar, 2012). Kajian juga menunjukkan bahawa sokongan belia terhadap kerajaan dipengaruhi oleh faktor seperti prestasi wakil rakyat dan menteri, serta kepimpinan Perdana Menteri dalam memacu pembangunan negara (Junaidi Awang Besar, 2012). Mengiktiraf kepentingan belia, kerajaan perlu menangani isu peminggiran dan berinteraksi dengan mereka secara berterusan (Ramli Dollah et al., 2018).

#### **1. Kerjasama Strategik NGO dan Agensi**

Kerjasama dengan pihak luar membuka peluang kepada ADUN Belia untuk mendapatkan sumber, kepakaran, dan platform pelaksanaan program. Informan menyatakan

“Kami bekerjasama dengan NGO, agensi kerajaan, dan pihak berkepentingan untuk melaksanakan program dakwah.” (Responden 2)

Yakob (2018) menilai perpaduan sosial dalam kalangan belia Malaysia melalui program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda, dan mendapati bahawa peningkatan penglibatan dalam komponen program membawa kepada tahap perpaduan sosial yang lebih tinggi, dengan belia mampu mengekalkan keharmonian merentasi perbezaan etnik melalui aktiviti keterlibatan komuniti.

#### **2. Sesi Libat Urus dan Meja Lipat**

Selain kolaborasi formal, ADUN Belia turut menganjurkan sidang meja bulat dan sesi libat urus dengan pemimpin belia akar umbi. Sesi ini menjadi ruang untuk mengumpul pandangan, aduan, dan cadangan daripada belia tempatan sebelum disalurkan kepada pihak berautoriti. Informan menyatakan:

“Melalui sidang meja bulat mengikut daerah bagi mendapatkan input belia terutama pemimpin belia di akar umbi.” (Responden 10)

Kajian mengenai pembangunan belia di Malaysia mendedahkan peranan kritikal organisasi akar umbi dan pendekatan kolaboratif dalam menangani cabaran belia. Mohd Razali Harun (2005) meneliti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) di Felda Jerangau, dan mendapati bahawa walaupun badan akar umbi ini memainkan peranan penting dalam pembangunan belia, mereka berdepan kekangan besar termasuk masalah kewangan, tahap pendidikan ahli yang rendah, serta konflik politik yang mengesahkan keberkesanan mereka dalam menangani isu sosioekonomi seperti pengangguran dan penagihan dadah dalam kalangan belia. Sementara itu, Junaidi Awang Besar (2012) mendapati bahawa belia Malaysia aktif melibatkan diri dengan isu politik melalui pelbagai sumber maklumat, dengan 67.8% menyokong parti pemerintah berdasarkan transformasi kerajaan. Asnarulkhadi Abu Samah (2009) pula menekankan bahawa pelaksanaan dasar belia yang berkesan memerlukan pendekatan transformasi konflik bagi menangani konflik belia dengan struktur sosial dan persekitaran.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian bagi objektif 4.1 iaitu mengenalpasti peranan Program ADUN Belia Terengganu dalam mempromosikan kepimpinan dakwah, hasil temu bual menunjukkan bahawa ADUN Belia berperanan sebagai *qudwah hasanah* yang menjadi teladan kepada golongan muda, di samping menjadi penyampai suara belia dalam platform rasmi. Pendekatan dakwah yang digunakan bersifat mesra belia, santai, dan kreatif termasuk melalui media sosial. Peranan ini diperkukuh dengan kerjasama strategik dengan NGO, agensi kerajaan, dan sesi libat urus di peringkat komuniti. Keseluruhannya, ADUN Belia dilihat berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan belia dengan pemimpin negeri serta medium dakwah yang dekat dengan jiwa anak muda.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Program ADUN Belia Terengganu memainkan peranan signifikan dalam membentuk kepimpinan dakwah dalam kalangan peserta melalui fungsi mereka sebagai pemimpin dakwah. Dalam konteks ini, ADUN Belia bukan sahaja berperanan sebagai *qudwah hasanah* yang menjadi teladan kepada belia, malah turut berfungsi sebagai medium yang mengangkat suara generasi muda ke platform rasmi pembuatan dasar. Peranan ini memperlihatkan bagaimana kepimpinan dakwah dapat diterjemahkan secara praktikal melalui keterlibatan aktif dalam ruang institusi dan sosial, sekali gus memperkukuh keyakinan belia terhadap kepimpinan yang berteraskan nilai Islam.

Dari sudut pendekatan dakwah, kajian mendapati bahawa keberkesanan program ini banyak dipengaruhi oleh strategi komunikasi yang mesra belia serta penggunaan medium digital yang relevan dengan gaya hidup generasi muda masa kini. Di samping itu, elemen kolaborasi dan jaringan strategik turut memperkukuh pelaksanaan program melalui kerjasama dengan NGO dan agensi berkaitan, serta penganjuran sesi libat urus dan sidang meja bulat. Gabungan pendekatan ini menunjukkan bahawa pembangunan kepimpinan dakwah belia memerlukan ekosistem yang inklusif, interaktif, dan bersifat sinergi antara pelbagai pihak bagi memastikan impaknya lebih holistik dan berterusan.

## RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don, et. al. (2023) Penerimaan Pelajar Terhadap Konstruk Kompetensi Latihan Amali Dakwah. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, UKM.
- Ach. Baidowi, & Mohammad Salehudin. (2021). *Strategi dakwah di masa pandemi COVID-19 melalui media sosial*. Jurnal Komunikasi Islam, 11(2), 145–160.
- Ahmad Atho'ul Karim & Fauzia Nuraziza. (2024). *Strategi dakwah kreatif kepada generasi milenial melalui media digital dan seni Islam*. Jurnal Dakwah Kontemporari, 9(1), 33–48.
- Ahmad Huzairi Rawee. (2016). *Dasar Belia Malaysia 2015: Analisis pelaksanaan dan cabaran pembangunan belia*. Putrajaya, Malaysia: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

- Ahmad, A., & Roslan, M. (2020). Pendekatan dakwah dalam program kepimpinan belia: Satu analisis kritikal. *Jurnal Dakwah dan Kepimpinan Islam*, 8(1), 33–50.
- Andiansyah. (2018). *Peranan Yayasan Perguruan Bela Diri Muda Berakhlak dalam pembinaan kader belia Islam di Lebong*. Bengkulu, Indonesia: Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Curup.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2009). *Pembangunan belia dan transformasi konflik dalam konteks dasar sosial di Malaysia*. Bangi, Malaysia: Universiti Putra Malaysia.
- Asriyanti Rosmalina, & Tia Khaerunnisa. (2021). Pemanfaatan media sosial sebagai media dakwah Islam di masa pandemi COVID-19. *Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 15(2), 123–135.
- Azizah, S., & Wirasusanto, H. (2024). Kepimpinan dakwah Islamiah berasaskan teladan Rasulullah SAW. *Jurnal Komunikasi dan Dakwah*, 8(1), 15–29.
- Azrie Azeh, A., Zainal Abidin, M., & Halim, S. A. (2023). Aspirasi belia dan pengaruhnya terhadap penglibatan politik di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3), 112–128.
- Elma, E., & Ab. Ghafar, M. N. (2024). Kepimpinan dakwah dan kompetensi pendakwah dalam masyarakat kontemporari. *Jurnal Dakwah dan Kepimpinan Islam*, 12(1), 45–58.
- Faris Najmi Samsukamal, Nurul Syafiqah Mohd Noor, & Mohd Khairul Nizam Zainan Nazari. (2023). Pendekatan dakwah digital dalam kalangan generasi muda melalui platform media sosial. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 5(2), 77–92.
- Fatoni, U., & Rais, R. (2018). Strategi dakwah kepada generasi muda dalam era komunikasi moden. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 12(1), 55–68.
- Gunawan, A., Hidayat, T., & Sari, D. P. (2024). Dakwah digital dan transformasi komunikasi Islam di era media sosial. *Jurnal Dakwah Kontemporari*, 10(1), 55–72.
- Hardyanti, N., Rahman, A., & Sulaiman, M. (2023). Penggunaan media sosial dan latihan pidato dalam meningkatkan keberkesanan dakwah belia. *Jurnal Komunikasi Islam dan Media Digital*, 7(2), 101–118.
- Hassan, A. (2019). Kepimpinan belia berteraskan dakwah dalam masyarakat moden. *Jurnal Islam dan Masyarakat*, 12(3), 22–38.
- Ibrahim, M. (2020). Pemberdayaan belia melalui aktiviti masjid dalam pembangunan modal insan. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 77–91.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Current Population Estimates, Malaysia, 2023*. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia. <https://www.statistics.gov.my/portal-main/release-content/current-population-estimates-malaysia---2023>
- Junaidi Awang Besar. (2012). *Perubahan politik dan tingkah laku pengundi dalam Pilihan Raya Umum Malaysia*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kahn, R. L., & Cannell, C. F. (1957). *The dynamics of interviewing: Theory, technique, and cases*. New York, NY: John Wiley & Sons.
- Khalid, M., & Ibrahim, S. (2021). Cabaran pelaksanaan program pembangunan belia berasaskan Islam. *Jurnal Kepimpinan dan Pengurusan Islam*, 9(2), 61–75.
- Mohd Razali Harun. (2005). *Peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) dalam pembangunan masyarakat FELDA: Kajian di FELDA Jerangau, Terengganu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Mohd Razali. (2010). *Penyertaan belia dalam program pembangunan komuniti di Terengganu: Satu analisis konflik politik dan isu sosial*. Kuala Terengganu, Malaysia: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohd Uzaini Mohamad Sani, & Suhana Saad. (2018). Parlimen Belia Malaysia sebagai medium partisipasi politik belia di Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 24(1), 85–102.
- Mukhlissal Hasbi, A., Rahman, F., & Idris, M. (2024). Media sosial sebagai medium penyebaran dakwah Islam kepada generasi muda. *Journal of Islamic Communication Studies*, 8(1), 89–104.
- Nor Diyanah Zafri, Siti Nur Aisyah Mohd Azmi, & Mohd Anuar Ramli. (2023). Media sosial sebagai medium dakwah Islamiah kepada generasi belia di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 15(1), 89–104.

- Puspito, D., & Azhima, N. (2024). *Pendekatan kreatif dakwah digital bagi generasi Z melalui kandungan visual interaktif*. *Jurnal Dakwah Kontemporari*, 10(1), 44–59.
- Ramli Dollah, Mohammad Redzuan Othman, & Abu Bakar Ahmad. (2018). *Belia dan partisipasi politik di Malaysia pasca Pilihan Raya Umum ke-14*. *Jurnal Melayu*, 17(2), 256–272.
- Rosli, A., & Hassan, M. (2022). *Penilaian keberkesanan program pembangunan belia di Malaysia*. *Jurnal Pentadbiran Awam Malaysia*, 17(1), 30–48.
- Royani, A., Firdaus, M., & Hidayat, T. (2024). *Teknologi digital sebagai medium dakwah Islam kepada generasi muda*. *Jurnal Teknologi dan Peradaban Islam*, 6(1), 73–88.
- Samira, S., & Ab Ghafar, M. N. (2017). *Nilai-nilai asas dalam pembangunan dakwah dan pembentukan sahsiah belia*. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(5), 101–112.
- Siti Ruzana Ab Ghani, Rahilah Omar, Azlizan Mat Enh, & Russli Kamaruddin. (2020). *Pendekatan komunikasi kepimpinan dalam strategi berdakwah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) 1972–2004*. *e-Bangi*, 17(5), 202–219.
- Susanto, E. (2013). *Latihan kepimpinan dan pengurusan dakwah dalam pembangunan belia Islam*. *Jurnal Pengurusan Dakwah*, 6(2), 33–47.
- Yahaya, A., Ramli, J., Boon, Y., & Hamdan, A. R. (2006). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis dan interpretasi data*. Kuala Lumpur, Malaysia: PTS Professional Publishing.
- Yakob, N. (2018). *Perpaduan sosial dalam kalangan belia Malaysia melalui Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda*. *Jurnal Pengajian Belia Malaysia*, 13(2), 45–60.